

AAB

UMNO - Majlis Tertinggi

MESYUARAT MT BINCANGKAN PERSIAPAN PERHIMPUNAN AGUNG ESOK

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Mesyuarat terakhir Majlis Tertinggi (MT) bagi penggal 1991/93 malam ini tertumpu pada persiapan Perhimpunan Agung parti esok serta menentukan cara pengundian untuk pemilihan pucuk pimpinan parti.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengundian akan diadakan selepas sahaja ucapan dasar Presiden.

Pengundian itu didahului oleh perwakilan manakala anggota Majlis Tertinggi merupakan yang terakhir mengundi, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat lebih dua jam itu.

Semua anggota Majlis Tertinggi hadir kecuali Datuk Seri Najib kerana beliau tidak layak menjadi anggota majlis itu memandangkan beliau bukan lagi Ketua Pergerakan Pemuda.

Najib juga tidak akan berada di pentas utama pada perhimpunan agung esok dan tempatnya akan diambil oleh Ketua Pemuda yang baru, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, yang dipilih pada Persidangan Agung Pemuda hari ini.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT itu juga membincangkan mengenai perjalanannya persidangan agung Pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita dan MT mengucapkan tahniah kepada mereka yang menang. -- lagi

▼03/11/23-30MST

CNS8517

R PB 03-11 00152 BR289

AAB

UMNO-Majlis Tertinggi 2 Kuala Lumpur

Mesyuarat juga menyemak senarai perwakilan dan calon-calon yang akan bertanding merebut pelbagai jawatan pada pemilihan esok dan MT berpuas hati dengan persediaan yang dibuat.

Dr Mahathir berkata, perhimpunan kali ini hanya akan membincangkan dua usul iaitu usul ucapan terima kasih terhadap ucapan dasar Presiden dan usul pendidikan.

Usul ucapan terima kasih akan dicadangkan oleh UMNO Perak dan disokong pergerakan Pemuda manakala usul pendidikan dicadangkan oleh UMNO Selangor dan disokong Pergerakan Wanita.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga mendengar desakan Pergerakan Wanita supaya Perlembagaan parti dipinda bagi membolehkan setiap bahagian melantik satu atau dua perwakilan Wanita secara automatik untuk perhimpunan agung bagi menggantikan kuota 30 perwakilannya yang dipilih semasa Persidangan Agung Pergerakan itu.

"Mengenai desakan Wanita ini, kita akan bincang pada Mesyuarat MT akan datang dan jika difikirkan perlu, satu mesyuarat khas bagi pindaan perlembagaan diadakan," katanya.-- lagi

▼03/11/23-49MST

CNS8518

R PB 03-11 00113 BB290

AAB

UMNO-Majlis Tertinggi 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai kedudukan perwakilan Pemuda, Dr Mahathir berkata: "Ketua barunya tidak buat sebarang desakan."

Bagaimanapun, Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz menyampuk: "Samalah tu, pinda kedua-dua sekalilah."

Mengenai kemenangan Rahim dengan majoriti hanya 44 undi ke atas Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Samad, Dr Mahathir berkata: "Itu bukan majoriti kecil, dalam UMNO memang macam itu dan jadi perkara biasa, saya pun dulu menang dengan 41 undi sahaja."

"Susah orang nak pilih, kedua-dua calon itu sama segak, sama-sama Tan Sri dan sama-sama ada janggut," katanya dengan senyum.-- Bernama

SJA ROJ MSZ ZU

▼03/11/23-52MST